

Headline	Yayasan Amal MAA Medicare rai 22 kanak kanak di Green Connection
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)
Date	05 Dec 2016
Language	Malay
Section	Tempatan
Color	Black/white
Page No	3



# Yayasan Amal MAA Medicare rai 22 kanak-kanak di Green Connection

## Ricardo Unto

KOTA KINABALU: Kira-kira 22 kanak-kanak di-  
raikan dengan hari yang menyeronokkan oleh  
Yayasan Amal MAA Medicare di Green Connection,  
di sini, Sabtu lepas.

Kanak-kanak itu yang ibu bapa mereka men-  
jalani dialisis di Pusat Dialisis Amal Peter Mole –  
MAA Medicare dibawa melawat akuarium dan  
pusat penemuan sains dan turut diberikan beg  
sekolah setiap seorang.

Ketua Pegawai Eksekutif MAA Medicare Datuk  
Aliyah Karen berkata program *kids@Medicare* itu  
ialah projek tahunan sejak 2009 dan sebahagian  
daripada dua projek utama yayasan itu selain Pro-  
gram Kebajikan Pesakit (PWF).

“Setiap tahun semua pusat dialisis akan men-  
ganjurkan pelbagai aktiviti untuk kanak-kanak  
sekolah pesakit kami melalui program  
*kids@Medicare*.”

“Kakitangan akan menggalakkan projek kitar  
semula, melukis atau menyanyi kerana kanak-  
kanak ini sukar berseronok semasa cuti meman-  
dangkan ibu bapa mereka menjalani dialisis.

“Pada akhir tahun persekolahan, kami mem-  
berikan mereka beg dan keperluan sekolah untuk  
mengurangkan beban pesakit kami.

“Tahun ini, kira-kira 150 kanak-kanak sekolah  
berumur antara enam dan 16 tahun telah  
dibantu,” katanya semasa program itu, di sini,  
Sabtu lepas.

Setakat ini, yayasan itu telah melebarkan sayap-  
nya ke sembilan negeri dengan 12 pusat-pusat di  
seluruh negara untuk menjaga 830 pesakit.

Pusat Dialisis Amal Peter Mole – MAA Medicare  
yang terletak di 88 MarketPlace menyediakan  
rawatan bersubsidi tinggi kepada 62 pesakit yang  
tidak mampu menanggung rawatan di hospital  
dan pusat swasta.

Keperluan sekolah itu diserahkan oleh ahli

Lembaga Pemegang Amanah MAA Medicare Tan  
Sri Ibrahim Menudin.

Ibrahim berkata beliau berbangga kerana dapat  
bekerjasama dalam program seumpamanya.

“Dengan keadaan ekonomi semasa, ia sangat  
sukar buat sesetengah pesakit yang tidak mampu  
membayar caj minimum.

“Melalui program PWF kami, kami menyedi-  
akan barang-barang runcit bulanan, suntikan dan  
perubatan tambahan. Kami juga menanggung se-  
bahagian tambang pengangkutan.

“Bagi ibu bapa, ia perkara yang mahal, lebih-  
lebih lagi apabila mereka tidak dapat bekerja dis-  
ebabkan oleh kegagalan buah pinggang.

“Ia adalah paling sedikit yang kami boleh  
lakukan dan bagi pusat ini, kanak-kanak sebelum  
ini pergi ke zoo dan sekarang di sini (Green Con-  
nection), ia bagus untuk berkongsi kegembiraan  
mereka,” katanya.

Dana Amal Buah Pinggang MAA Medicare, satu  
cabang yayasan itu yang kini pembekal bukan ke-  
untungan kedua terbesar di Malaysia untuk  
menyelamatkan nyawa dan meningkatkan kesih-  
hatan melalui pencegahan penyakit, diagnosis  
jantung untuk menyelamatkan nyawa dan kaedah  
rawatan yang selamat.

Sebagai pusat diagnostik dan rawatan jantung  
yang pertama bagi golongan kurang bernasib  
baik di negara ini, ia juga menyokong pendidikan  
kesihatan dengan objektif untuk mewujudkan  
kesedaran dan memulakan penyelidikan penyakit  
jantung.

Semenyata itu, yayasan itu juga memperoleh  
beberapa pengiktirafan antarabangsa tahun ini.

Antaranya ialah Gold Award for Best Practices  
2016 dari European Society of Quality Research,  
Diamond Eye Award dan Majestic Falcon Award  
dari Otherways’ Organisation serta World Business  
Leader Diploma dari Bizz 2016.